
***BAY' AL-TAWARRUQ* DAN APLIKASINYA DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD**

Mohd Izuwan Mahyudin
Azizi Che Seman
University of Malaya

ABSTRAK

Kajian terhadap produk-produk perbankan Islam khususnya yang melibatkan pelaksanaan transaksi *bay' al-tawarruq* menunjukkan bahawa tujuan transaksi ini adalah untuk menyediakan kecairan kewangan kepada pelanggan seperti pembiayaan peribadi, perbelanjaan modal kerja, aliran tunai dan kad kredit. Walaubagaimanapun, semakin industri ini berkembang dengan pesat, terdapat usaha-usaha berinovasi yang dilakukan oleh pemain-pemain industri untuk mempelbagaikan produk dalam bentuk pelaburan dan deposit yang memberikan pulangan tetap kepada pelanggan. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam sepenuhnya yang kedua di Malaysia, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) juga turut menawarkan produk-produk yang berasaskan kontrak *bay' al-tawarruq*. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji prinsip asal pelaksanaan transaksi *bay' al-tawarruq* serta pelaksanaan semasa transaksi ini di BMMB. Data kajian diperolehi daripada dua sumber iaitu sumber sekunder dan sumber primer. Antara sumber sekunder yang dirujuk ialah data dari perpustakaan, merujuk bahan-bahan rujukan seperti buku-buku, kertas kerja, jurnal-jurnal dan petikan akhbar. Sumber primer pula diperolehi melalui temubual bersama pegawai-pegawai di BMMB. Hasil kajian mendapati bahawa kontrak *bay' al-tawarruq* telah digunapakai sebagai alternatif untuk menggantikan kontrak *bay' al-ṭinah* khusus bagi produk-produk pembiayaan di BMMB.

Kata kunci: *Bay' al-tawarruq*, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Produk-produk pembiayaan, Perbankan Islam

BAY' AL-TAWARRUQ AND ITS APPLICATION IN BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

ABSTRACT

A study of the Islamic banking products especially in the implementation of *bay' al-tawarruq* transaction shows that the purpose of that transaction is to provide liquidity to the customer such as personal financing, working capital expenditure, cash lines and credit card. However as the industry expanded widely, there is innovative effort taken by industry player by extending the products to involve investment and deposit instrument that provide fixed return to the customer. As a second full fledged Islamic bank in Malaysia, Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) is also involved in offering products based on *bay' al-tawarruq* concept. Hence, this study intends to study the original principles of *bay' al-tawarruq* contract and its current applications in BMMB. The data is obtained from two sources, secondary sources and primary sources. Among the secondary sources used are data from libraries, reference materials such as books, papers, journals and newspaper. For primary sources, researcher used interviews with respective staff in BMMB. The study found that the *bay' al-tawarruq* contract has been adopted as an alternative to replace *bay' al-ṭinah* contract especially for financing based products offered in BMMB.

Keywords: *Bay' al-tawarruq*, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Financing products, Islamic Banking

PENGENALAN

Setelah Akta Bank Islam (ABI) 1983 dikuatkuasakan, maka tertubuhlah bank Islam yang pertama di Malaysia iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). Menyorot kembali sejarah perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia, selepas tertubuhnya bank Islam yang pertama, terdapat satu inisiatif telah diperkenalkan iaitu memberi ruang kepada bank-bank konvensional di Malaysia untuk menawarkan produk-produk perbankan Islam melalui satu skim yang dinamakan sebagai “Skim Perbankan Tanpa Faedah”. Selepas daripada itu, pada tahun 1999, bank Islam yang kedua telah ditubuhkan iaitu BMMB (Sudin Haron, 2008).

Sehingga hari ini, industri kewangan Islam kini telah mengalami transformasi yang pesat. Industri ini telah memberikan sumbangan yang sangat besar dalam pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negara. Sistem kewangan Islam di Malaysia telah berkembang menjadi sebuah komponen yang kompetitif dalam keseluruhan sistem kewangan, melengkapkan sistem kewangan konvensional sebagai pemacu pertumbuhan dan kemajuan ekonomi negara. Ia merangkumi semua aspek atau komponen yang terlibat dalam pembentukan sistem tersebut iaitu perbankan Islam, takaful, pasaran wang dan ekuiti Islam²⁴.

Perkembangan sistem kewangan Islam kini menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan sama ada di peringkat dalam negara mahu pun di peringkat global. Seiring dengan perkembangan ini, Malaysia sedang menggandakan usaha untuk terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa²⁵.

Perkembangan positif ini juga telah mendorong kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif dalam industri kewangan Islam. Ini memberikan kesan positif kepada industri ini sendiri serta kepada negara secara amnya. Antara kesan yang ketara adalah lebih ramai penyertaan asing dalam sistem kewangan Islam di Malaysia. Perkembangan ini juga telah meningkatkan dan memperluaskan pelbagai konsep Syariah dalam produk-produk kewangan Islam. Jika kita lihat, sebelum ini konsep yang banyak digunakan dalam produk perbankan Islam ialah *wadī'ah*, *bay' al-ṭinah*, *murābahah* dan *bay' bithaman ājil*. Namun kini lebih banyak konsep Syariah yang lain telah diperkenalkan antaranya, *muḍārabah*, *ijārah mausūfah fi al-zimmah*, *mushārahah mutanāqishah*, dan *tawarruq*²⁶.

²⁴ Ucapan Gabenor pada Seminar Kewangan Islam Anjuran Bersama Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong “Ke Arah Meraih Potensi Pertumbuhan Global Kewangan Islam” di Hong Kong bertarikh 15 Januari 2008, laman sesawang *Bank Negara Malaysia*, dicapai pada 15 Februari 2014, http://www.bnm.gov.my/?ch=bnm_speech&pg=bnm_speech_all&ac=299&lang=bnm

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Ucaptama oleh Penolong Gabenor di Majlis Muhadharah ILIM Kali Ke-9 yang bertajuk “Kedudukan Sistem Kewangan Islam di Malaysia - Satu Tinjauan” di Institut Latihan Islam Malaysia, Kuala Lumpur bertarikh 13 Oktober 2009, laman sesawang *Bank Negara Malaysia*, dicapai pada 15 Februari 2014, http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bnm_speech&pg=bnm_speech_all&ac=322&lang=bnm

Kepelbagaian ini telah membawa kepada penerokaan banyak produk kewangan Islam baru yang lebih berinovasi dan menarik. Maka kita juga akan melihat banyak kajian dilakukan dalam bidang ini sama ada di peringkat universiti atau peringkat industri itu sendiri. *Tawarruq* adalah salah satu kontrak Syariah yang banyak digunakan oleh institusi perbankan Islam hari ini khususnya dalam membantu pelanggan-pelanggan untuk mendapatkan tunai.

Para sarjana Islam terdahulu tidak mengkhususkan perbincangan *bay' al-tawarruq* dalam satu topik yang tersendiri, akan tetapi ianya disentuh dalam perbincangan mereka tentang kontrak-kontrak yang lain. Hal ini dapat dilihat antaranya, Imam al-Nawawi tidak membincangkan tentang konsep *bay' al-tawarruq* secara langsung dalam kitabnya *Rawḍah al-Ṭālibin*²⁷, tetapi beliau menyentuh tentang prinsip ini dalam perbincangannya tentang *bay' al-ṭinah* dan *bay' bithaman mu'ājjal*²⁸. Perbincangan di kalangan majoriti fuqaha' tentang *bay' al-ṭinah* dan *tawarruq* berlaku serentak sewaktu mereka berbicara tentang *bay' al-ṭinah*. Mereka tidak memisahkannya, yang memisahkan perbincangan kedua-duanya hanyalah fuqaha' mazhab Ḥanbalī yang menyatakan bahawa *bay' al-ṭinah* dan *tawarruq* merupakan dua jenis transaksi yang selalu dikaitkan dengan transaksi jualan secara bertanggung yang mungkin berakhir sebagai ribawi oleh fuqaha' zaman silam dan masa kini²⁹. Hakikatnya, istilah *al-tawarruq* ini hanya dipelopori oleh fuqaha' mazhab Ḥanbalī³⁰.

Definisi Bay' Al-Tawarruq

Dari segi bahasa, perkataan *bay' al-tawarruq* adalah berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud طلب الورق (mencari *wariq*).³¹

²⁷ al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā (2003), *Rawḍah al-Ṭālibīn*, Bāb al-Bay'. Riyadh: Dār 'Alim al-Kutub, jld. 3, hal. 85-86.

²⁸ Asmak ab Rahman, Shamsiah Mohammad dan Iman Mohd Salleh (2010). Bay' al-tawarruq dan Aplikasinya Dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad. *Jurnal Syariah*, 18/ No.2, hal. 335.

²⁹ Mohd Parid Sheikh Ahmad (2006). *Bay' al-ṭinah dan tawarruq: Kaedah dan Pendekatan Penyelesaian*. Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Langkawi. 28-29 Jun 2006, hal.1.

³⁰ al-Bahūtī, Mansūr bin Yūnus bin Idrīs (1986), *Kashshāf al-Qinā' 'an Matan al-Iqnā'*. Beirut: Dār al-Fikr, jld. 3, hal.186.

³¹ Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukram (1990), *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Fikr, jld. 10, hal. 375-376.

Wariq ialah wang yang diperbuat daripada perak. Kemudian erti *bay' al-tawarruq* berubah menjadi lebih umum iaitu:

“Mencari wang sama ada wang perak atau wang emas atau wang kertas”³²

Dari segi istilah, *bay' al-tawarruq* merujuk kepada urus niaga muamalah yang melibatkan dua peringkat urus niaga. Pada peringkat pertama, urus niaga tersebut melibatkan pembelian secara kredit antara pembeli dengan penjual asal sesuatu aset, dan pada peringkat kedua pembeli kemudiannya akan menjual aset tersebut tunai kepada pembeli ketiga³³.

Majma' al-Fiqh al-Islāmī, Rābitah al-‘Ālam al-Islāmī mendefinisikan *bay' al-tawarruq* sebagai membeli sesuatu barang yang ada dalam kekuasaan dan milik penjual dengan harga bertangguh, kemudian pembeli tersebut menjualnya kepada pihak ketiga yang bukan pihak yang menjulkannya kepadanya secara tunai, untuk mendapatkan wang³⁴. Ia dinamakan *bay' al-tawarruq* kerana ketika membeli aset tersebut secara kredit, pembeli tidak berniat untuk menggunakan atau memanfaatkannya, tetapi hanya ingin menjualnya semula bagi memperoleh wang tunai³⁵. Ia juga dikenali sebagai komoditi *Murābahah* dan digunakan secara meluas dalam produk deposit, pembiayaan, pengurusan aset dan tanggungan serta pengurusan risiko³⁶.

Al-Tawarruq Al-Fardi/ Fiqhī (Tawarruq Secara Individu)

Akademi Fiqh Islam mentakrifkan ia sebagai pembelian komoditi yang diperolehi dan dimiliki oleh penjual dengan cara pembayaran

³² al-Mānī‘, ‘Abdullah Sulaymān (1425H), *al-Ta’šil al-Fiqhī li bay' al-tawarruq fi Daw' al-Ihtiyājāt al Tamwiliyyah al-Mu'āširah*,” *Majallah al-Buḥūth al-Islāmiyyah*, no. 72, hal. 351.

³³ Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait (1993), *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, jld. 14, hal. 147.

³⁴ Al-Mānī‘ (1425H), *op.cit.*, hal. 354.

³⁵ Qal‘ahjī, Muḥammad Rawās (2002), *al-Mu'āmalat al-Māliyyah al-Mu'āširah fi Daw' al-Fiqh wa al-Sharī'ah*. Beirut: Dār al-Nafā'is, hal. 85.

³⁶ Bank Negara Malaysia (2011), *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, ed. ke-2. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, hal. 94.

bertanggung yang mana pembeli akan menjual semula komoditi tersebut secara tunai kepada pihak lain iaitu selain daripada penjual asal untuk memperolehi tunai³⁷.

Al-Tawarruq Al-Munazzam (Tawarruq Terancang)

Tawarruq Munazzam ialah transaksi apabila penjual membuat segala aturan untuk mendapatkan tunai bagi *mutawarriq* (pihak yang mahukan tunai) dengan menjual komoditi kepadanya secara bertanggung kemudian menjual semula komoditi tersebut bagi pihak *mutawarriq*. Hasil daripada jualan tersebut akan diberikan kepada *mutawarriq*³⁸.

PANDANGAN ULAMA' TERHADAP BAY' AL-TAWARRUQ

Golongan Yang Membenarkan Bay' Al-Tawarruq

Antara yang membenarkan transaksi *bay' al-tawarruq* ini ialah Sa'īd ibn al-Musayyib salah seorang daripada fuqaha' *tabieen*. Dalam fatwanya apabila dia ditanya tentang seseorang yang telah menjual suatu komoditi kepada saudara perempuannya secara bertanggung dan saudara perempuannya itu meminta dia untuk menjualkannya semula di pasaran secara tunai. Sa'īd menjawab dengan menyatakan bahawa ia dilarang sekiranya penjual masuk campur atau terlibat dalam transaksi jual beli yang kedua.³⁹ Hal yang demikian, dapat dilihat bahawa Sa'īd ibn al-Musayyib membenarkan *bay' al-tawarruq* secara individu selagi mana penjual tidak terlibat dalam transaksi jual beli yang kedua⁴⁰.

Majoriti fuqaha' mazhab Ḥanafī memasukkan *bay' al-tawarruq* di bawah jual beli *'inah*. Abū Yūsuf anak murid kepada Abū Ḥanīfah membenarkan jual beli *'inah* dan tidak memasukkan ia sebagai

³⁷ Sa'īd Bouheraoua, "Al-Tawarruq al-Maṣrafi: Dirāsah Taḥlīliyyah Naqdiyyah lil al-Ārā' al-Fiqhiyyah" (makalah, Persidangan Akademi Fiqh Islami Antarabangsa, Sharjah, Emeriah Arab Bersatu, sesi ke-19, 2009).

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Ibn Abī Shaybā (t.t), *Muṣannaf Ibn Abī Shaybā*. India: Dār Al-Salāfiyyah, jld. 8, hal. 295.

⁴⁰ Nourah Mohammad Aleshaikh (2011), *Jurisprudence on Bay' al-tawarruq: Contextual Evaluation on Basis of Customs, Circumstances, Time and Place*. Tesis sarjana, Universiti Durham, hal. 36.

riba⁴¹. Ibn al-Humām membahagikan pandangan mazhab Ḥanafī berkenaan *bay' al-tawarruq* kepada dua iaitu tidak disukai (*al-karāhah*) dan dibenarkan. Ibn Humām menetapkan bahawa hukum yang membenarkan tertakluk kepada kontrak yang melibatkan *bay' al-tawarruq* dan hukum tidak disukai (*al-karāhah*) kepada transaksi *bay' al-īnah*, yang mana melibatkan kontrak dua hala (*bilateral*) untuk mendapatkan wang tunai⁴². Dapat disimpulkan bahawa, ulama' mazhab Ḥanafī melihat transaksi *īnah* secara dua hala yang menyebabkan komoditi yang dijual beli kembali kepada penjual asal adalah tidak disukai.

Adapun apa yang difahami sebagai *bay' al-tawarruq* secara individu, di mana komoditi akan dijual kepada pihak ketiga, ia tidak termasuk dalam perkara yang tidak disukai dan tidak pula dilarang oleh ulama' mazhab Ḥanafī⁴³. Imam Mālik telah memberikan fatwa tentang bentuk jual beli yang dibincangkan oleh mazhab Mālikī dalam bab *bay' al-īnah*. Ibn al-Qāsim menyatakan dalam al-Mudawwanah bahawa dia bertanya kepada imam Mālik tentang seorang lelaki menjual komoditi sebanyak 100 dinar pada waktu yang tetap. Setelah selesai transaksi dilakukan di antara dua pihak, pembeli tersebut berkata kepada penjual “jualkan ia untukku kepada orang lain untuk mendapatkan tunai, kerana aku tidak ada kebolehan menjual, Imam Mālik berkata tiada kebaikan padanya dan dia melarangnya⁴⁴. Imam Mālik menerima transaksi tersebut sekiranya tiada sebarang perjanjian di antara pihak ketiga dengan penjual pertama. Al-Qarāfī mengatakan bahawa sesungguhnya kami hanya melarang ketika mana transaksi jual beli yang kedua diatur oleh penjual pertama⁴⁵. Dapat disimpulkan bahawa hukum *bay' al-tawarruq* tidak dinyatakan secara jelas dalam mazhab Mālikī. Walau bagaimanapun ia dapat difahami daripada kenyataan mereka bahawa *bay' al-tawarruq* secara klasiknya diterima dalam mazhab Mālikī⁴⁶.

⁴¹ al-Haskafi, 'Alauddin Muḥammad (2000), *al-Dūrr Al-Mukhtār fī Syarḥ Tanwīr al-Absār*: Lebanon: Dār al-Fikr, jld. 4, hal. 10.

⁴² Ibn al-Humām, Muḥammad bin 'Abd al-Wahīd al-Siwāsī al-Kamāl (1995), *Syarḥ Faḥ al-Qadīr*: Lebanon: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah. Lebanon, jld. 16, hal. 396-401.

⁴³ Aleshaikh, (2011), *op.cit*, hal. 40.

⁴⁴ Mālik bin Anas (2003), *al-Mudawwanah al-Kubrā, Riwayāt Sahnūn Ibn Sa'id al-Tanūkhi*. Riyadh: Alam al- Kutub, jld. 4, hal. 244-248.

⁴⁵ al-Qarāfī, Aḥmad bin Idris (1998), *al-Furuq fī Anwār al-Buruq*. Lebanon: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, jld. 3, hal. 268.

⁴⁶ Aleshaikh (2011), *op.cit*, hal. 41.

Imam al-Syāfi‘ī dengan jelas mengiktiraf transaksi jual beli secara *‘īnah* dalam kitabnya *al-‘Umm*⁴⁷. Al-Māwardī menegaskan bahawa *bay‘ al-‘īnah* bukan bermaksud riba, bahkan ia adalah suatu transaksi yang mencegah daripada terlibat dengan riba⁴⁸. Imam Al-Nawawī berpandangan bahawa *bay‘ al-‘īnah* bukan daripada kontrak jual beli yang dilarang oleh *syara*⁴⁹. Melihat kepada pandangan ulama’ mazhab Syāfi‘ī tentang kebenaran transaksi *bay‘ al-‘īnah* yang hanya melibatkan dua pihak, maka dapat disimpulkan bahawa transaksi *bay‘ al-tawarruq* yang melibatkan tiga pihak adalah lebih utama untuk dibenarkan.

Dalam mazhab Ḥanbalī pula, pandangan yang kuat dan terpilih dalam mazhab ialah membenarkan transaksi *bay‘ al-tawarruq*. Al-Mardawī seorang ulama’ yang dihormati dalam mazhab Ḥanbalī, menyatakan bahawa keharusan ini adalah pandangan yang disokong dalam mazhab Ḥanbalī dan ia dipegang kuat oleh majoriti pengikut-pengikut mazhab ini⁵⁰. Dapat disimpulkan bahawa majoriti ulama’ mazhab Ḥanbalī mengharuskan transaksi *bay‘ al-tawarruq* walaupun terdapat ulama’ mazhab Ḥanbalī yang terkemudian yang tidak membenarkan transaksi *bay‘ al-tawarruq*.

Golongan Yang Tidak Membenarkan Bay‘ Al-Tawarruq

Antara ulama’ yang tidak mengharuskan transaksi *bay‘ al-tawarruq* dalam mazhab Ḥanafī ialah Muḥammad Ibn al-Ḥasan al-Shaybānī yang mengatakan ia adalah makruh. Ulama’ terkemudian daripada mazhab Ḥanbalī iaitu Ibn Taimiyyah dan muridnya Ibn al-Qayyim berpandangan untuk tidak mengharuskan transaksi *bay‘ al-tawarruq*. Ibn Taimiyyah ketika membincangkan tentang pelbagai jenis transaksi jual beli, menyatakan bahawa tujuan atau niat seseorang itu adalah untuk tidak memanfaatkan komoditi yang telah dibeli, sebaliknya hanya untuk mendapatkan tunai, sedangkan ketika itu dia sangat memerlukan

⁴⁷ al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs (t.t), *al-Umm*. Beirut: Dār al-Fikr, jld. 4, hal. 33.

⁴⁸ al-Māwardī, ‘Alī bin Muḥammad bin Hābīb (t.t), *al-Ḥāwī al-Kabīr*. Makkah: Maktabat Dār al-Bas, Makkah, jld 5, hal. 287-290.

⁴⁹ al-Nawawī, (2003), *op.cit*, jld. 3, hal. 418.

⁵⁰ al Mardawī, ‘Alī bin Sulaymān (1979), *al-Insāf fi Ma’rifah al-Rājih min al-Khilāf ‘Ala Madhhab al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. Lebanon: Dār Iḥyā’ al-Turath al-‘Arabi, jld. 4, hal. 337.

wang dan tidak boleh meminjam maka ia tidak dibenarkan⁵¹. Ibn al-Qayyim menyebut guruku Ibn Taimiyyah tidak membenarkan *bay' al-tawarruq*. Orang ramai terus bertanya kepadanya akan hal ini, akan tetapi beliau tetap tidak membenarkannya. Ibn al-Qayyim menambah bahawa sebab (*illah*) pengharaman terdapat dalam *bay' al-tawarruq*⁵².

APLIKASI TAWARRUQ DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) telah memperkenalkan produk yang berasaskan kontrak *tawarruq* pada tahun 2006. Produk yang berasaskan *tawarruq* ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah BMMB dalam mesyuaratnya yang ke-11 bagi tahun 2006 pada tanggal 6 Disember 2006. Sebelum kontrak ini diperkenalkan dan diaplikasikan di BMMB, kebanyakan produk di BMMB adalah berasaskan kontrak *bay' al-ṭinah*. Pengenalan kontrak *tawarruq* ini, adalah satu inisiatif atau langkah awal yang diambil oleh BMMB untuk terus keluar daripada penggunaan *bay' al-ṭinah*, kontrak yang terdapat banyak kontroversi padanya⁵³.

Perubahan ini juga seiring dengan perkembangan semasa sistem kewangan Islam di Malaysia yang memerlukan pengenalan kepada kontrak-kontrak baru yang kurang kontroversinya. Jika kita menyorot kembali sejarah pelaksanaan *bay' al-ṭinah* dalam sistem kewangan Islam di Malaysia, kita akan dapati banyak perbincangan dan keputusan dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti untuk memastikan pelaksanaan *bay' al-ṭinah* dilakukan mengikut tatacara yang mematuhi kehendak *syara'*. Melihat kepada syarat-syarat ketat yang dikenakan jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan kontrak *bay' al-ṭinah* tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya. Ini kerana pelanggaran kepada salah satu syarat-syarat yang ditetapkan akan menyebabkan kontrak *bay' al-ṭinah* tersebut tidak sah di sisi *syara'*.

⁵¹ Ibn Taimiyyah, Taqi al-Dīn Aḥmad (2005), *Majmū'ah al-Fatāwa lil Shaykh al-Islām Taqi al-din Aḥmad Ibn Taimiyyah*. al-Mansūrah: Dār al-wafā', jld. 29, hal. 442.

⁵² Ibn Qayyim, al-Jawziyyah, Shams al-Dīn Abi 'Abd Allāh Muḥammad bin Abi Bakr al-Zar'i (1973), *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*. Beirut: Dār al-Jeel, jld. 3, hal.170.

⁵³ Nurul Asyiqi Mohd Salim (Ketua Unit Nasihat dan Sekretariat, Jabatan Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 12 Mac 2014.

Antara syarat-syarat ketat yang telah digariskan dalam pelaksanaan kontrak *bay' al-ṭinah* ini dapat dilihat melalui keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM sebagai sebuah badan yang berautoriti dalam mengawal selia perjalanan sistem kewangan Islam di Malaysia khusus dalam aspek-aspek kepatuhan Syariah. MPS pada mesyuaratnya yang ke-16 bertarikh 11 November 2000 dan mesyuaratnya yang ke-82 bertarikh 17 Februari 2009 telah memutuskan bahawa akad *bay' al-ṭinah* hendaklah menepati syarat-syarat sah seperti yang berikut:

1. Mempunyai dua akad jual beli yang jelas dan berasingan iaitu akad pembelian dan akad penjualan.
2. Tidak terdapat syarat pembelian semula aset dalam akad.
3. Masa bagi pemeteraian setiap akad adalah berbeza.
4. Turutan pemeteraian setiap akad adalah betul iaitu akad jual beli pertama hendaklah disempurnakan terlebih dahulu sebelum akad jual beli yang kedua dimeterai.
5. Berlaku pemindahan hak milik aset, serta wujud penguasaan ke atas aset (*qabḍ*) yang sah berdasarkan *syara'* dan amalan perniagaan semasa (*'urf tijāri*)⁵⁴.

Tidak terhenti hanya setakat itu sahaja, BNM pada hujung tahun 2012 telah mengeluarkan satu pekeliling khusus memperincikan dan menegaskan tentang syarat-syarat sah pelaksanaan kontrak *bay' al-ṭinah*. Pekeliling yang dikeluarkan tersebut perlu dipatuhi oleh institusi-institusi kewangan Islam dan setiap institusi kewangan Islam dikehendaki untuk membuat perakuan kepada pihak BNM bahawa segala transaksi yang berasaskan *bay' al-ṭinah* adalah mematuhi kehendak *syara'* sepertimana yang termaktub dalam garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak BNM.

Rentetan daripada itu BMMB pada 1 Januari 2013 telah memutuskan untuk tidak lagi menawarkan produk-produk yang berasaskan *bay' al-ṭinah* kepada pelanggan-pelanggannya. Semenjak tahun 2006 lagi BMMB telah memulakan inisiatif menggantikan kontrak *bay' al-ṭinah* dalam sesetengah produk dengan *bay' al-tawarruq*. Keputusan pada Januari 2013 telah membawa kepada

⁵⁴ Bank Negara Malaysia, *op.cit*, hal. 113

keseluruhan produk yang berasaskan *bay' al-'inah* dihentikan dan digantikan dengan kontrak *tawarruq* sebagai alternatif⁵⁵.

Antara produk-produk BMMB yang menggunakan kontrak *bay' al-tawarruq* adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1:

Jadual 1: Produk-produk di BMMB yang berasaskan *bay' al-tawarruq*

No.	Kategori	Nama produk
1.	Pembiayaan Peribadi	Pembiayaan Peribadi Muamalat-i (<i>bay' al-tawarruq</i>)
2.	Produk Deposit	Akaun Berjangka Tetap (<i>bay' al-tawarruq</i>)
2.	Pembiayaan Hartanah	Pembiayaan Hartanah Muamalat-i (<i>bay' al-tawarruq</i>)
3.	Kemudahan Aliran Tunai	Kemudahan Aliran Tunai-i (<i>bay' al-tawarruq</i>)
4.	Kredit Pusingan	Kredit Pusingan Muamalat-i (<i>bay' al-tawarruq</i>)
5.	Pembiayaan Berjangka	Pembiayaan Berjangka Muamalat -i (<i>bay' al-tawarruq</i>)
6.	Penstrukturan semula	Pembiayaan Penstrukturan Semula-i (<i>bay' al-tawarruq</i>)

Sumber: Hasil temubual bersama pegawai Syariah BMMB⁵⁶

PLATFORM BURSA PASARAN KOMODITI (*BURSA SUQ AL-SILA'*)

Bay' al-tawarruq adalah salah satu bentuk jual beli. Dalam mana-mana akad jual beli, subjek pertukaran adalah antara rukun yang perlu dipenuhi. Sebarang harta yang diiktiraf oleh *syara'* boleh dijadikan subjek dalam akad *bay' al-tawarruq*. Namun dalam konteks amalan semasa, *bay' al-tawarruq* biasanya menggunakan komoditi tertentu

⁵⁵ Nurul Asyiqi Mohd Salim, *op.cit.*

⁵⁶ *Ibid.*

sebagai aset pendasar yang diperolehi daripada pihak ketiga. Berbeza dengan apa yang diaplikasikan dalam kontrak *bay' al-ṭinah* di mana aset pendasar yang biasa digunakan dalam transaksi jual beli adalah aset yang dimiliki oleh pihak penjual atau aset yang dimiliki oleh pihak pembeli, yang pada kebiasaannya bukan dalam bentuk komoditi. Oleh yang demikian, pemerhatian yang sangat serius perlu diberikan khusus dalam setiap urusan yang melibatkan komoditi yang akan digunakan dalam transaksi *bay' al-tawarruq*.

Bursa Suq al-Sila' diperkenalkan hasil daripada kerjasama di antara BNM, Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia dan peserta industri kewangan Islam. Ia adalah platform dagangan komoditi Syariah yang berasaskan laman sesawang elektronik sepenuhnya. Ia merupakan platform komoditi antarabangsa yang memudahkan urusan niaga pelaburan dan pembiayaan Islam berasaskan komoditi di bawah prinsip *bay' al-tawarruq*, *murābahah* dan/atau *musāwamah*⁵⁷. Dalam struktur BSAS ini, pihak penjual disyaratkan untuk memiliki komoditi terlebih dahulu sebelum sebarang urusan niaga jualan dilakukan. BSAS membenarkan pembeli menerima penyerahan komoditi sekiranya posisi belian mengatasi jualan komoditi dan akaun dagangan tidak ditutup (*square off*) pada hari yang sama. Bagi mengambil penyerahan, pembeli akan dikenakan yuran penyerahan berdasarkan jumlah yang ditentukan oleh BSAS serta kos-kos berkaitan penyerahan dan penyimpanan (Asyraf Wajdi Dusuki, 2010).

MPS, pada mesyuarat ke-78 bertarikh 30 Julai 2008 telah memutuskan bahawa cadangan struktur operasi BSAS adalah dibenarkan dengan syarat komoditi yang diurusniagakan mestilah dapat dikenalpasti dan ditentukan secara jelas dan tepat (*mu'ayyan bi al-dhāt*) dari sudut lokasi, kuantiti dan kualiti bagi memenuhi ciri-ciri urusan niaga sebenar. Di samping itu, adalah disarankan supaya urusan niaga dilakukan secara rawak (*random*) supaya operasi BSAS lebih menepati ciri-ciri *bay' al-tawarruq* yang asal⁵⁸.


PROSES DAN MEKANISME BURSA SUQ AL-SILA' (BSAS)

Proses dan mekanisme yang digunakan dalam BSAS digambarkan dalam rajah berikut:

⁵⁷ Bank Negara Malaysia, *op.cit*, hal. 99.

⁵⁸ Bank Negara Malaysia, *op.cit*, hal. 99.

Rajah 1: Modus operandi transaksi bay' al-tawarruq di platform BSAS



Sumber: Asyraf Wajdi Dusuki (2010)

1. Ketika Pembukaan Pra-pasaran:
 - Tawaran pembelian (*bids*) daripada pihak institusi kewangan dan tawaran untuk menjual (*offer*) daripada pengeluar komoditi akan dimasukkan ke dalam sistem.
 - Ketika pasaran dibuka pada pukul 10.00 a.m, transaksi dagangan akan bermula dengan membuat padanan pada tempahan yang dibuat melalui sistem BSAS.
 - Pengeluar komoditi akan menjual terus kepada Bank Islam A. Pemilikan komoditi tersebut akan berpindah kepada Bank Islam A.

2. Perkhidmatan Islam Bursa Malaysia (BMIS) akan memastikan penghantaran komoditi sekiranya terdapat permintaan.
 - Pada peringkat ini, pengesahan dagangan (jual beli) akan dihantar kepada semua pihak yang terlibat.
 - Bank Islam A akan membuat pembayaran dengan mengkreditkan ke akaun BMIS.
 - E-sijil (*e-certificate*) akan dikeluarkan oleh sistem yang menyatakan maklumat lengkap dagangan (jual beli) sebagai pengesahan kepada transaksi yang dilakukan.

3. Bank Islam A menjual komoditi kepada pelanggannya atau bank Islam yang lain secara *murābahah* (harga kos ditambah keuntungan) dan dibayar secara bertangguh.
 - Pemilikan akan bertukar kepada pelanggan/Bank Islam B.
4. Pelanggan atau Bank Islam B menjual komoditi kepada BMIS melalui Bank Islam A atau secara terus.
 - BMIS membayar kepada pihak pelanggan/Bank Islam B dengan mengarahkan Bank Islam A untuk mendebitkan akaunnya.
 - Pemilikan komoditi akan berpindah kepada BMIS.
5. Penjualan komoditi oleh BMIS kepada pengeluar komoditi adalah secara rawak dan mengikut padanan tawaran yang dilakukan dalam pasaran sebenar.
 - Pemilikan akan berpindah kepada pengeluar komoditi yang lain.
 - Sebaik sahaja pemilikan komoditi itu berpindah kepada pengeluar komoditi, maka komoditi tersebut bebas untuk didagangkan semula atau tidak dalam BSAS.

Penggunaan platform BSAS memainkan peranan yang sangat besar dalam pelaksanaan transaksi *tawarruq* di BMMB, khususnya dalam memastikan pelaksanaannya benar-benar mematuhi syariah. Ini kerana, BSAS telah menetapkan beberapa peraturan yang mesti dipatuhi untuk memastikan transaksi yang dilaksanakan memenuhi kehendak *syara*⁵⁹.

- i. Komoditi perlu wujud secara fizikal ketika kontrak dimeterai.
- ii. Komoditi hendaklah berada dalam keadaan bebas, tidak terikat dengan mana-mana transaksi jual beli ketika tawaran dibuat.
- iii. Komoditi hendaklah diletakkan ditempat yang spesifik dan tepat. Maklumat lengkap tentang lokasi hendaklah dimaklumi ketika tawaran dibuat.
- iv. Komoditi hendaklah dimiliki oleh pengeluar yang membuat penawaran.
- v. Komoditi mestilah boleh diserahkan ketika mana ada permintaan untuk penyerahan dilakukan.

⁵⁹ Brosur Bursa Suq Al-Sila' Bursa Malaysia.

- vi. Komoditi perlulah ditentukan dengan jelas seperti saiz, kuantiti dan kualiti.
- vii. Pemilikan komoditi akan dikenalpasti melalui sistem; pada setiap kali transaksi dilakukan, hanya seorang sahaja pemilik yang akan memilikinya.

Ringkasnya terdapat tiga transaksi jual beli yang berasingan dalam struktur *tawarruq* yang menggunakan platform BSAS:

- a. Transaksi pertama: Bank membeli komoditi daripada Pedagang A secara tunai.
- b. Transaksi kedua: Bank menjual komoditi kepada pelanggan dengan bayaran bertangguh.
- c. Transaksi ketiga: Pelanggan menjual komoditi kepada Pedagang B secara tunai.

Aturan transaksi di atas adalah untuk produk pembiayaan. Manakala untuk produk deposit:

- a. Transaksi pertama: Pelanggan membeli komoditi daripada Pedagang A secara tunai.
- b. Transaksi kedua: Pelanggan menjual komoditi kepada Bank dengan bayaran bertangguh.
- c. Transaksi ketiga: Bank menjual komoditi kepada Pedagang B secara tunai.

APLIKASI *TAWARRUQ* DI BMMB

Dalam aplikasi pembiayaan yang berasaskan konsep *bay' al-tawarruq* di BMMB, ia melibatkan atau menggabungkan beberapa kontrak lain iaitu *bay' al-murābahah*, *wa'd mulzim*, *wakālah* dan *bay' waḍī'ah*.

Bay' al-murābahah (jualan dengan keuntungan) ialah menjual sesuatu barang dengan harga yang serupa dengan harga yang pertama tetapi ditambah dengan keuntungan⁶⁰. Dalam erti kata yang lain ia suatu bentuk urus niaga yang menjual sesuatu komoditi atau aset dengan harga yang dibeli (modal) oleh pembeli berserta keuntungan yang diketahui serta disepakati (oleh penjual dan pembeli)⁶¹. Dalam praktis

⁶⁰ al-Zuḥaylī, Wahbah (2007), *al-Fiqh al-Islāmi wa adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr, jld. 5, hal. 3765.

⁶¹ Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution (AAOIFI)

transaksi *bay' al-tawarruq* di BMMB, ia berlaku ketika mana BMMB menjual komoditi yang telah dibeli daripada penjual komoditi kepada pelanggan. Pihak BMMB akan menjual dengan harga yang lebih tinggi daripada harga yang dibeli daripada penjual komoditi⁶².

Wakālah ialah gantian (menggambil tempat) orang lain semasa hidup orang itu yang diiktiraf oleh *syara*⁶³. *Wakālah* dapat difahami sebagai kontrak agensi yang melibatkan satu pihak memberikan mandat kepada pihak yang lain sebagai wakil untuk melaksanakan tugas tertentu. Dalam konteks kewangan Islam kini, kebiasaannya pelanggan akan melantik institusi kewangan sebagai wakil untuk melaksanakan sesuatu urusan niaga muamalah dan sebagai balasan, institusi kewangan akan menerima upah bagi perkhidmatan tersebut⁶⁴. Dalam praktikal semasa *bay' al-tawarruq* di BMMB, ia berlaku ketika mana pelanggan melantik pihak bank untuk menjual komoditi yang telah dibeli kepada pedagang komoditi yang lain.

Bay' waqī'ah ialah menjual barang dengan harga yang sama seperti yang dibeli di samping menurunkan sedikit harga daripada harga yang dibeli itu⁶⁵. Dalam erti kata yang lain, *bay' waqī'ah* dapat difahami sebagai suatu transaksi yang berlaku di mana harga yang dijual adalah berkurangan daripada harga yang dibeli (harga kos) (Abdul Halim Muhammad, 2008). Dalam praktikal transaksi pembiayaan *bay' al-tawarruq* di BMMB, ia berlaku ketika mana pelanggan menjual komoditi kepada pedagang komoditi yang lain dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang dibeli daripada pihak bank⁶⁶.

Wa'd mulzim bermaksud janji yang mengikat⁶⁷. Ia suatu bentuk janji yang dilakukan oleh pelanggan kepada pihak bank untuk membeli komoditi yang telah dibeli oleh pihak bank. Sekiranya, pelanggan memungkir janji iaitu tidak membeli komoditi tersebut, maka pihak bank berhak mengambil tindakan ke atas pelanggan.

(2010), *Shariah Standard*. Bahrain: AAOIFI, hal. 129.

⁶² Muhammad Fadli Abdullah, (Ketua Unit Penyelidikan dan Penerbitan, Jabatan Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad), dalam temubual dengan penulis, 12 Mac 2014.

⁶³ Al-Zuhayli, *op.cit.*, jld.4, hal. 743.

⁶⁴ Bank Negara Malaysia, *op.cit.*, hal. 103.


⁶⁵ Al-Zuhayli, *op.cit.*, jld. 5, hal. 3766.

⁶⁶ Muhammad Fadli Abdullah, *op.cit.*

⁶⁷ Bank Negara Malaysia, *op.cit.*, hal. 226.

MODUS OPERANDI PRODUK YANG BERASASKAN TAWARRUQ DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

Rajah 2: Modus Operandi Pembiayaan (*tawarruq*) di BMMB



Sumber: Hasil temubual bersama pegawai penyelidik BMMB⁶⁸

1. Pelanggan datang ke bank membuat permohonan pembiayaan dengan mengeluarkan (*issue*) permintaan pembelian (*purchase requisition*) kepada pihak bank serta melengkapkan beberapa dokumen yang terlibat.
2. Berdasarkan permintaan pembelian tersebut, pihak bank akan membeli komoditi daripada penjual komoditi pertama.
3. Pihak bank akan menjual komoditi yang telah dibeli daripada penjual komoditi pertama kepada pelanggan berdasarkan kontrak *murābahah* (harga kos ditambah keuntungan).
4. Pelanggan melantik pihak bank sebagai wakil (berdasarkan konsep *wakālah*) untuk menjual komoditi yang telah dibeli kepada pedagang komoditi yang lain.
5. Berdasarkan perlantikan sebagai wakil, pihak bank akan menjual komoditi tersebut kepada pedagang komoditi yang lain.
6. Bank akan memasukkan wang hasil jualan tersebut (langkah 5 di atas) ke dalam akaun pelanggan.

Secara terperinci, pelanggan yang memerlukan kecairan (wang tunai) datang ke Bank dan membuat satu permintaan pembelian berserta janji yang mengikat untuk membeli aset tertentu daripada Bank. Dalam masa yang sama, pelanggan melantik bank sebagai wakil terhad untuk

⁶⁸ Muhammad Fadli Abdullah, op.cit.

menerima jual beli aset tersebut bagi pihak dirinya. Pelanggan akan mengeluarkan Permintaan Pembelian (*Purchase Requisition*) kepada Bank, yang tidak boleh ditarik balik selepas dikeluarkan. Dokumen-dokumen terlibat adalah:

- i. Permintaan pembelian (*Purchase Request*), yang padanya menyatakan bahawa pelanggan berhasrat untuk membeli komoditi dan meminta pihak bank untuk membeli komoditi tersebut.
- ii. Akujanji untuk membeli (*Wa'd Mulzim*), ia adalah akujanji daripada pelanggan untuk membeli komoditi yang telah dibeli oleh pihak bank pada harga jualan yang telah ditetapkan sebaik sahaja pihak bank membeli komoditi tersebut daripada pedagang komoditi pertama.
- iii. Perwakilan untuk memeterai perjanjian pembelian (*wakālah khaṣṣah*), di mana pelanggan akan melantik pihak bank sebagai wakil yang terhad kepada urusan khusus untuk memeterai perjanjian pembelian komoditi daripada pihak bank atau dalam erti kata yang lain, pihak bank menerima bagi pihak pelanggan dan seterusnya memasuki perjanjian jual beli secara *murābahah* dengan pihak bank.

Pada peringkat ini juga, pelanggan akan mengeluarkan surat perwakilan kepada pihak bank, yang melantik pihak bank sebagai wakilnya untuk menjual komoditi tersebut kepada pedagang komoditi yang lain setelah selesai perjanjian jual beli secara *murābahah*.

Berdasarkan kepada permintaan pembelian daripada pelanggan, pihak bank akan membeli komoditi daripada pihak pedagang komoditi (pedagang pertama) pada harga kos iaitu menyamai jumlah pembiayaan yang dipohon. Pihak pedagang komoditi akan menyerahkan sijil pegangan pembelian (*Holding Certificate*) berserta arahan penghantaran (*delivery order*) sebagai bukti perpindahan pemilikan kepada pihak bank. Berikutan daripada akujanji untuk membeli (*wa'd Mulzim*) yang dilakukan oleh pelanggan, pihak bank akan menjual komoditi tersebut kepada pelanggan pada harga jualan berdasarkan kontrak jual beli secara *murābahah* (harga kos ditambah keuntungan) yang akan dibayar oleh pelanggan kepada bank secara ansuran (bertanggung). Bank (sebagai wakil terhad (*restricted agent*) kepada pelanggan bagi tujuan menerima bagi pihak pelanggan) akan memeterai

pembelian komoditi tersebut melalui kontrak jualan *murābahah*. Pelanggan juga melantik Bank sebagai wakil (*wakālah*) untuk kemudiannya menjual komoditi yang telah dibeli kepada pedagang komoditi yang lain. Berdasarkan surat perlantikan sebagai wakil daripada pelanggan, pihak bank kemudian menjual komoditi tersebut bagi pihak pelanggan kepada pedagang komoditi yang lain (Pedagang 2).

Setelah menjual kepada pedagang komoditi tersebut, pihak bank akan memasukkan wang hasil jualan tersebut (yang mana bersamaan dengan jumlah pembiayaan) ke dalam akaun tertentu milik pelanggan. Secara asasnya kesemua produk pembiayaan BMMB yang berasaskan *bay' al-tawarruq* akan dilaksanakan seperti modus operandi yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun bagi produk deposit, terdapat sedikit perbezaan dari segi modus operandinya.

KESIMPULAN

Terdapat perbezaan pandangan di kalangan ulama' kontemporari berkenaan transaksi *bay' al-tawarruq* yang dilakukan di institusi perbankan Islam pada masa kini. Penulis berpandangan bahawa transaksi tersebut perlu diteruskan dengan syarat, praktis dan prosedurnya perlu diperkemas bagi memenuhi keperluan kesahihan suatu kontrak jual dan beli. Hal yang demikian kerana, dalam amalan kewangan moden hari ini, kesemua perkara dilakukan secara teratur dan terancang khusus untuk menjaga kepentingan pihak yang terlibat dalam berkontrak. Beberapa siri resolusi yang dikeluarkan oleh pihak Bank Negara Malaysia berkenaan pelaksanaan kontrak *bay' al-ṭinah* telah menggariskan beberapa syarat yang sangat ketat yang perlu dipatuhi oleh institusi perbankan Islam di Malaysia bagi memastikan transaksi *bay' al-ṭinah* tersebut dilaksanakan benar-benar mematuhi kehendak Syara'. Secara praktisnya, agak sukar untuk pihak institusi perbankan Islam memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan tersebut. Oleh yang demikian, alternatif yang ada untuk menggantikan kontrak *bay' al-ṭinah* yang sedia ada adalah *bay' al-tawarruq*. BMMB sebagai sebuah institusi perbankan Islam sepenuhnya telah memutuskan untuk memberhentikan penawaran produk yang berasaskan *bay' al-ṭinah* dan menggantikannya dengan kontrak *bay' al-tawarruq*.

RUJUKAN

- Abdul Halim Muhammad. (2008). *Undang-undang muamalat dan aplikasinya kepada produk-produk perbankan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution (AAOIFI). (2010). *Shariah Standard*. Bahrain: AAOIFI.
- Al Mardawī, ‘Alī bin Sulaymān. (1979). *al-Insāf fi Ma’rifah al-Rājih min al-Khilāf ‘Ala Madhhab al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. Lebanon: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Bahūtī, Mansūr bin Yūnus bin Idrīs. (1986). *Kashshāf al-Qinā’ ‘an Matan al-Iqnā’*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Haskafi, ‘Alauddin Muḥammad. (2000). *al-Dūrr Al-Mukhtār fī Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*. Lebanon: Dār al-Fikr.
- Al-Māwardī, ‘Alī bin Muḥammad bin Hābīb. (t.t.). *al-Ḥāwī al-Kabīr*. Makkah: Maktabat Dār al-Bas, Makkah.
- Al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā. (2003). *Rawḍah al-Tālibīn, Bāb al-Bay’*. Riyadh: Dār ‘Alim al-Kutub
- Al-Qarāfi, Aḥmad bin Idrīs. (1998). *al-Furūq: Anwār al-Burūq fī Anwā’ al-Furūq*. Lebanon: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs. (t.t.). *al-Umm*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Zuḥaylī, Wahbah. (2007). *al-Fiqh al-Islāmi wa adillatuh*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Asmak ab Rahman, Shamsiah Mohammad dan Iman Mohd Salleh. (2010). *Bay’ al-tawarruq dan aplikasinya dalam pembiayaan peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad. Jurnal Syariah, 18(2)*.
- Asyraf Wajdi Dusuki. (2010). Can Bursa Malaysia’s Suq al-Sila’ (Commodity Murabahah House) resolve the controversy over tawarruq. *Kertas Kajian International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)*, No. 10.
- Bank Negara Malaysia. (2011). *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, ed. ke-2. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

- Ibn Abī Shaybā. (t.t.). *Muṣannaḥ Ibn Abī Shaybā*. India: Dār Al-Salāfiyyah.
- Ibn al-Humām, Muḥammad bin ‘Abd al-Wahīd al-Siwāsī al-Kamāl. (1995). *Sharḥ Faṭḥ al-Qadīr*. Lebanon: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah. Lebanon.
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad Ibn Mukram. (1990). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Qayyim, al-Jawziyyah, Shams al-Dīn Abi ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abi Bakr al-Zar’i. (1973). *I’lām al-Muwaqqi’in ‘an Rabb al-‘Ālamīn*. Beirut: Dār al-Jeel.
- Ibn Taimiyyah, Taqī al-Dīn Aḥmad. (2005). *Majmū’ al-Fatāwa lil Shaykh al-Islām Taqī al-dīn Aḥmad Ibn Taimiyyah*. al-Mansūrah: Dār al-wafā’.
- Kementerian Wakaf dan Hal Ehwāl Islam Kuwait. (1993). *al-Mawsū’ah al-Fiḥhiyyah*. Kuwait: Kementerian Wakaf dan Hal Ehwāl Islam Kuwait.
- Mālik bin Anas. (2003). *al-Mudawwanah al-Kubrā, Riwāyat Sahnūn Ibn Sa’id al-Tanūkhi*. Riyadh: Alam al- Kutub.
- Mohd Parid Sheikh Ahmad. (2006). *Bay’ al-ṭinah dan tawarruq: Kaedah dan pendekatan penyelesaian*. Kertas kerja dibentangkan di Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Langkawi. 28-29 Jun 2006.
- Nourah Mohammad Aleshaikh. (2011). *Jurisprudence on Bay’ al-tawarruq: Contextual evaluation on basis of customs, circumstances, time and place*. Tesis sarjana, Universiti Durham.
- Qal’ahjī, Muḥammad Rawās. (2002). *al-Mu’āmalat al-Māliyyah al-Mu’āṣirah fī Daw’ al-Fiḥ wa al-Sharī’ah*. Beirut: Dār al-Nafā’is.
- Sudin Haron. (2008). *Sistem kewangan dan perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn Bhd.

Laman Sesawang

<http://www.ISRA.my>

<http://www.muamalat.com.my>

<http://www.bursamalaysia.com>

<http://www.bnm.gov.my>

Temubual

Nurul Asyiqi Mohd Salim, Ketua Unit Nasihat dan Sekretariat, Jabatan Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad, dalam temubual dengan penulis, 12 Mac 2014.

Muhammad Fadli Abdullah, Ketua Unit Penyelidikan dan Penerbitan, Jabatan Syariah, Bank Muamalat Malaysia Berhad, dalam temubual dengan penulis, 12 Mac 2014.